

## **2.2 Faktor Persekutaran**

Persekutaran memainkan peranan yang penting kepada pertumbuhan peribadi seseorang. Persekutaran yang sihat melahirkan individu yang sempurna manakala persekitaran yang kurang sihat akan melahirkan individu masyarakat dengan pelbagai masalah dan kekurangan. Persekutaran yang menjadi faktor penyumbang kepada kenakalan remaja seperti melepak adalah merujuk kepada tingkah laku masyarakat setempat, kewujudan pusat-pusat internet dan komunikasi multi media, pusat-pusat hiburan dan lain-lain lagi yang menyediakan pelbagai produk yang boleh menggalakkan dan meningkatkan rangsangan-rangsangan emosi.

Peringkat remaja merupakan peringkat peralihan dari zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Emosi dan fikiran mereka akan berubah mengikut perkembangan persekitaran. Menurut Teori Behaviourisme, tabiat dan tingkah laku manusia terbentuk hasil daripada proses pembelajaran dan evolusi persekitaran. Tabiat manusia menjadi masalah apabila mereka menerima pembelajaran dan persekitaran yang salah walaupun mereka sendiri yang mencipta sistem pembelajaran atau membentuk persekitaran tersebut.

Antara insiden-insiden di persekitaran yang boleh menyumbang kepada aktiviti melepak adalah pertumbuhan pesat kompleks membeli-belah dan tempat-tempat hiburan seperti pusat-pusat permainan video, sybercafe serta tempat bermain snuker telah menyediakan tempat yang selesa untuk remaja kita membazirkan masa mereka. Gejala sosial remaja kini bukan sahaja tertumpu di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Georgetown sahaja malahan telah menjalur ke bandar kecil seperti Sungai Petani, Taiping dan pekan-pekan lain di Malaysia.

Perkembangan teknologi juga memainkan peranan penting dalam pembentukan tingkah laku remaja. Impak media terhadap remaja amat mendalam sekali. Kajian telah menunjukkan bahawa dedahan kepada media beraksi negetif akan melahirkan remaja yang bertingkah laku negetif. Ini adalah disebabkan minda remaja belum matang dan senang dipengaruhi oleh media.

Kebanyakan salah laku remaja adalah berpunca daripada aktiviti melepak. Seorang remaja yang suka melepak mudah terdedah kepada pengaruh persekitaran dan membawa kepada pelbagai salahlaku seperti merokok, penyalahgunaan dadah, mencuri dan sebagainya. “165,000 kes jenayah yang dicatatkan tahun 2005, kira-kira 14,000 kes dilakukan oleh golongan jenayah (Berita Harian, 8 Ogos, 2006). Oleh itu, pihak kerajaan, sektor swasta dan masyarakat harus menjadikan isu ini sebagai musuh bersama supaya masalah remaja suka melepak ini dapat dikurangkan ke tahap yang paling minima.